

1976

KUALA LUMPUR, 12 OKTOBER (BERNAMA)-DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA PELAKSANAAN RANCANGAN MALAYSIA KETIGA DAN USAHA KERAJAAN MENCAPI MATLAMAT DASAR EKONOMI BARU MEMERLUKAN KETABAHAN DAN PENG-LIBATAN DARI SEMUA GOLONGAN PEGAWAI KERAJAAN.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA DI SAMPING ITU KERAJAAN MENEKAN KEPADA SOAL MENINGGIKAN DAYA PENGELUARAN RAKYAT DALAM USAHA MEM-BASMI KEMISKINAN DI BAWAH RANCANGAN TERSEBUT.

DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PELAJARAN TELAH BERUCAP DI MAJLIS PENYAMPAIAN DIPLOMA DAN SIJIL KEPADA 300 ORANG PESERTA KURSUS ANJURAN INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA (INTAN) DI SEBUAH HOTEL TERBESAR DI SINI MALAM INI.

KATANYA DAYA PENGELUARAN RAKYAT TIDAK AKAN DAPAT DITINGGIKAN JIKALAU MEREKA TIDAK DIBERI PIMPINAN DAN TUNJUK AJAR DARI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN.

BELIAU BERKATA SEBELUM DAYA PENGELUARAN RAKYAT DAPAT DITINGGI-KAN, KERAJAAN PERLU MEMPERTINGKATKAN DULU DAYA PENGELUARAN PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN. -- BERSAMBUNG HM 2140

££

B656

EKONOMI 2 KUALA LUMPUR

62

BELIAU YAKIN DENGAN ADANYA RANCANGAN LATIHAN ANJURAN INTAN IA AKAN DAPAT MENOLONG KERAJAAN BAGI MENINGGIKAN LAGI DAYA PENGELUARAN PEGAWAI KERAJAAN DALAM USAHA MEMPERKEMASKAN JENTERA PEMBANGUNAN DI BAWAH RAN-CANGAN MALAYSIA KETIGA.

TAMBAH BELIAU, USAHA KERAJAAN BAGI MEMBASMIKAN KEMISKINAN TIDAK AKAN BERJAYA TANPA KERJASAMA DARI SEMUA PIHAK TERMASUK GOLONGAN YANG MISKIN ITU SENDIRI.

DR. MAHATHIR BERKATA CARA MENGATASI KEMISKINAN DENGAN BERKESAN DAN BERKEKALAN BUKANLAH DENGAN MEMBERI DERMA DAN BANTUAN SEPANJANG MASA.

''ACARA YANG BERKESAN IALAH DENGAN MENYEDIAKAN PELUANG BERLATIH DAN BEKERJA,

''LATIHAN DAN KERJA MEMERLUKAN MINAT SERTA TENAGA TETAPI JIKA MEREKA YANG MISKIN TIDAK BERUSAHA AKAN KEMISKINAN TIDAK AKAN DAPAT DIBASMIKAN''

TAMBAH BELIAU,

-BERSAMBUNG HM 2145

EE
B657
EKONOMI 3 KUALA LUMPUR

KATANYA, KEMISKINAN TIDAK MENGENAL KAUM
DAN IA WUJUD DI DESA SERTA BANDAR TETAPI OLEH SEBAB YANG TERTENTU
KEMISKINAN LEBIH TERNYATA DI LUAR BANDAR.

MEMANDANGKAN ITU TERDAPATLAH KEMISKINAN ORANG MELAYU DAN LAIN-
LAIN BUMIPUTRA LEBIH TINGGI PERATUSNYA DARI GOLONGAN LAIN
TAMBAH BELIAU.

+INI MENJADIKAN USAHA MEMBASMIKAN KEMISKINAN LEBIH PENTING
DARIPADA BIASA KERANA KITA BUKAN SAJA BERTUJUAN MENGURANGKAN JARAK
PENDAPATAN ANTARA YANG BERADA DENGAN TIDAK BERADA, TETAPI JUGA
MENYAMAKAN PEMBANGUNAN ANTARA KAUM-KAUM DI MALAYSIA+.

DALAM MENGHADAPI MASALAH TERSEBUT SEGALA TENAGA DIPERLUKAN
DARI SEMUA GOLONGAN MASYARAKAT KATANYA.

BELIAU BERKATA KEMISKINAN MERUPAKAN "ENDEMIC" DAN SETIAP PEGAWAI
HENDAKLAH MEMBERI KHIDMAT YANG LEBIH BERKESAN DALAM USAHA MEMBAS-
MIKAN KEMISKINAN ITU. -- BERSAMBUNG HM 214B

BELIAU BERKATA TUGAS MEMBASMI KEMISKINAN ITU BUKAN SAHAJA TER-
LETAK KEPADA AJENSI-AJENSI KERAJAAN SEPERTI RISDA, FELDA, MARA,
FELCRA, PERBADANAN-PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI NEGERI, JABATAN-
JABATAN KERAJAAN DAN KEMENTERIAN TERTENTU.

MENURUT BELIAU AJENSI-AJENSI ITU HANYA MERUPAKAN SEBAGAI
AGENSI BARISAN DEPAN DALAM USAHA MEMBASMIKAN KEMISKINAN.

+TINDAKAN BARISAN HADAPAN INI BERGANTUNG KEPADA BARISAN
DI BELAKANG.

+TANPA SOKONGAN LOGISTIK DARI BARISAN BELAKANG BARISAN HADAPAN
AKAN TUMPAS".

OLEH ITU DALAM USAHA MEMBASMI KEMISKINAN SETIAP AJENSI BAIK
DI BARISAN DEPAN ATAU BELAKANG MEMPUNYAI PERANAN YANG SAMA PENTING.

DR. MAHATHIR MENYERU PARA PEGAWAI SERTA KAKITANGAN YANG BERTUGAS
DENGAN AJENSI-AJENSI KERAJAAN TERLIBAT DALAM
PEMBANGUNAN SUPAYA LEBIH BERSIKAP DINAMIS, AGRESIF DAN IMAGINATIF.

-BERSAMBUNG HM 2152

EE
B659
EKONOMI 5 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR JUGA BERKATA KEKAYAAN KEBENDAAN DI DUNIA PERLU DI
-IMBANGKAN DENGAN NILAI-NILAI ROHANI DISAMPING TIDAK MELUPAKAN
MEREKA YANG KURANG BERNASIB BAIK.

+JANGANLAH KITA TUNTUT KEKAYAAN DARI MASYARAKAT YANG TIDAK MAMPU
MEMBERI.

+LEBIH-LEBIH LAGI JANGANLAH KITA ANCAM MASYARAKAT YANG TELAH
MEMBERI KEDUDUKAN ISTIMEWA KEPADA KITA KERANA KITA MAHU LEBIH
DARIPADA APA YANG TELAH DIBERI KEPADA KITA OLEH MASYARAKAT" TAMBAH
BELIAU.

BELIAU BERKATA KETENANGAN SERTA KEBAHAGIAN MASYARAKAT DAN
INDIVIDU TIDAK DATANG DARI KEKAYAAN KEBENDAAN SAHAJA TETAPI IA DAPAT
DIWUJUDKAN BERDASARKAN PERSEIMBANGAN ANTARA KENYATAAN NILAI KE-
BENDAAN DENGAN KETINGGIAN NILAI ROHANI. -- BERNAMA HM 2156